

Kajian Penerimaan Pantang-Larang dan Amalan Adat Bidayuh

Oleh Masyarakat Bidayuh Semasa.

Oleh:	Boniface ak Nyosor	98440765
	Florence ak Sebastian Unting	98440852
	Josafat Ukal	98440925
	Susan ak Jeffery Abbas	98441205
	Sylvia ak John	98441212

Kertas projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang UiTM untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Pentadbiran Awam.

Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang.
Universiti Teknologi Mara
Sarawak
September 2001

ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
Surat Penyerahan	i
Penghargaan	ii
Senarai Jadual	iv
Senarai Carta	vii
Senarai Gambarajah	ix
Abstrak	x
Susunan bab	
Bab 1 Pengenalan Kajian	1
1.0 Pengenalan	1
1.1 Penyata Masalah	4
1.2 Objektif Kajian	5
1.3 Skop Kajian	6
1.4 Hipotesis	7
1.5 Kaedah Kajian	8
1.6 Andaian	11
1.7 Batasan Kajian	12
Bab 2 Latar Belakang Kajian	13
2.1. Latar Belakang Sarawak	13
2.2. Latar Belakang Kaum Bidayuh	14
2.3. Asal Usul Kaum Bidayuh	15
2.4. Kedatangan Kaum Bidayuh Ke Sarawak	19
2.5. Kumpulan Dayak Bidayuh	21
2.6. Bahasa Pertuturan	22
2.7. Kegiatan Utama Kaum Bidayuh	25
2.8. Pesta Gawai Bidayuh	28
Bab 3 Analisis Data	30
3.1 Pengenalan	30
3.2 Analisis Soalan Soal Selidik	31
Bab 4 Penemuan Kajian	67
4.1 Hasil Temuduga	67
4.2 Amalan-amalan Masyarakat Bidayuh	67
4.3 Hasil Penemuan Dari Analisis Data	72
Bab 5 Kesimpulan Dan Cadangan	80
5.1 Kesimpulan	80
5.2 Cadangan	83

ABSTRAK

Masyarakat Bidayuh mempunyai adat istiadat yang tersendiri. Pada dasarnya adat ini digunakan oleh masyarakat Bidayuh dalam kehidupan mereka tetapi pada masa kini adat Bidayuh telah dikanunkan sebagaimana adat istiadat kaum lain di bawah Ordinan Adat Bidayuh.

Pada umumnya adat diwujudkan untuk memastikan pantang larang yang diamalkan oleh bangsa Bidayuh dipatuhi. Dalam erti kata yang lain, adat boleh disama ertikan dengan undang-undang. Ini bermaksud sekiranya terdapat pelanggaran pantang larang dalam masyarakat Bidayuh sama ada oleh masyarakat Bidayuh sendiri ataupun masyarakat lain, mereka boleh disabitkan kesalahan di bawah Ordinan Adat Bidayuh.

Seperti undang-undang lain juga, undang-undang masyarakat Bidayuh ini diwujudkan untuk menjaga hak peribadi masyarakat ini dengan cara mereka yang tersendiri. Adat Bidayuh ini penting untuk menjaga kesejahteraan hidup dan kemuafakatan antara etnik-etnik kecil dalam masyarakat Bidayuh.

Sebagai kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa undang-undang adat Bidayuh sememang penting dan diharap undang-undang ini akan dikekalkan sampai bila-bila masa. Dengan ini juga, diharapkan agar undang-undang ini tidak dilupakan terutamanya oleh masyarakat Bidayuh sendiri.

BAB 1

Pengenalan Kajian

1.1 Pengenalan

Secara umumnya setiap masyarakat dunia bermula dari satu tamadun unik yang mempunyai tradisi dan amalan yang tersendiri. Walaupun kadang kala amalan dan kepercayaan ini sukar untuk diterjemahkan, namun ia tidak memberi kesan yang ketara kepada tradisi dan kepercayaan malah dianggap sebagai sesuatu yang unik dalam masyarakat mereka. Ini menunjukkan perkara ini amat sukar untuk dilenyapkan sungguhpun satu pengadaptasian tamadun kian memuncak pada masa kini.

Perkembangan teknologi dan tamadun bertambah rancak tetapi tradisi seperti adat masih sebatu dengan masyarakat tidak kira tua atau muda. Aspek ini masih kukuh lagi dalam paradigma masyarakat tidak kira apa pun bangsa dan agama. Malah segelintir masyarakat telah menganggap adat dan pantang larang ini sebagai petunjuk untuk setiap tingkah laku mereka.

Masyarakat pada masa ini walaupun telah mempamerkan perubahan yang ketara terhadap aspek kehidupan mereka, tetapi pengamalan undang-undang adat dan pantang larang ini masih sesetengahnya mengikat tindak-tanduk mereka. Kedua-dua aspek adat dan pantang larang ini tidak boleh dipisahkan. Ini bermakna jika tidak wujud adat dalam masyarakat, maka tidak adalah pantang larang dan hukum-hakam yang mengikat dan menjadi petunjuk ke arah kebaikan terhadap masyarakat. Kini, sesetengah amalan adat telah dikanunkan menjadi undang-undang umum dalam masyarakat. Contohnya yang terdapat dalam Ordinan Majlis Adat Istiadat 1994. Adat-

BAB 2

LATAR BELAKANG KAJIAN

2.1 Latar belakang Sarawak.

Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang sangat unik di Malaysia malah di dunia secara amnya. Sarawak sangat kaya dari segi sejarah, hutan rimba, sungai-sungai dan alam semulajadi. Malah bagi pelancong-pelancong sama ada pelancong domestik mahupun pelancong antarabangsa, ia menjadi 'syurga' kepada mereka. Dari segi kaum, di Sarawak sahaja terdapat kira-kira 26 kumpulan etnik yang berbeza dari segi budaya, sejarah, bahasa dan adat resam mereka.⁵ Walaubagaimanapun, kumpulan etnik ini mampu untuk hidup secara harmoni, kesejahteraan dan kedamaian serta mencapai kemajuan dan pembangunan sama seperti kaum yang lain di negara ini di satu bawah pemerintahan demokrasi.

Kumpulan etnik ini terdiri daripada kaum Iban, Melayu, Cina, Bidayuh, Melanau, dan Orang Ulu yang terbentuk daripada pelbagai kumpulan kaum yang kecil. Di Sarawak, populasi yang terbesar adalah kaum Iban dengan seramai 576,000 orang diikuti oleh Cina dengan 544,440 orang dan Melayu sebanyak 435,000 orang serta kaum Bidayuh dengan 167,000.⁶

Walaubagaimanapun, kaum Bidayuh merupakan populasi yang lebih besar jika dibandingkan dengan kumpulan etnik yang lain seperti Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Kelabit, Penan, Punan dan lain-lain lagi kumpulan etnik yang lebih kecil yang

⁵ _____ Hubel Headhunters of Sarawak